

Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah ■ Vol. 9, No. 1, 2014 ■ ISSN 1985 - 5079



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA
UITM CAWANGAN
KEDAH

ACADEMIC SERIES COMMITTEE UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH

Editor-in-Chief

Dr Mahzir Ismail
Sharina Saad

Advisory Board

Aishah Musa
Etty Harniza Harun
Hasroleffendi Hassan
Nor Ardyanti Ahmad

Syakirah Mohamed
Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady
Prof. Madya Wan Faizah Wan Abdullah

Graphic Asrol Hasan

Special Tasks

Aishah Musa
Bawani Selvaraj
Ho Chui Chui

Rita Maria Dourado
Siti Ajar Ikhwan (USM)
Syazliyati Ibrahim

Review Board

Prof Madya Dr. Janudin bin Sardi@Mohd Yusop
Universiti Teknologi MARA Shah Alam
Dr Rafizah Mohd Rawian
Universiti Teknologi MARA Perlis
Dr. Norizul Azida Darus
Universiti Teknologi MARA Perlis
Dr Kamisah Ariffin
Universiti Teknologi MARA Pahang.
Dr Irene Leong
UiTM Kampus Bandaraya Melaka
Dr Sujatha Menon
UiTM Kampus Bandaraya Melaka

Dr. Mohd Norawi Ali
Universiti Sains Malaysia
Dr Muhammad Saiful Haq bin Hussin
Universiti Malaya
Dr Muhammad Saiful Haq bin Hussin
Universiti Malaya
Dr Mohd Zaki Abd Rahman
Universiti Malaya
Dr Ghazali Bin Lateh
Universiti Putra Malaysia

Copyright © 2014 by the Universiti Teknologi MARA, Kedah

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© *Voice of Academia* is jointly published by the Universiti Teknologi MARA, Kedah and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor. Printed by Perpus-takaan Sultan Badlishah, Universiti Teknologi MARA, Kedah.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Making A Placement Test Based On Vocabulary Knowledge

*Andrew Gorringe
John Anderson*

Malaysian Undergraduates' (In)ability to Identify the Correct Use of Sources

*SHo Chui Chui
Wong Soon Heng*

Keberkesanan Pembelajaran Kemahiran Lisan Berstruktur Dan Penggunaan ICT Bagi Penilaian Lisan

Roslinda Johari

Pembinaan Data Korpus Bahasa Arab Untuk Tujuan Pengajaran Di Peringkat STAM

*Zainur Rijal B. Abdul Razak (Dr)
Rosni B. Samah
Muhammad Fauzi B. Jumingan
Mohd. Shahriman B. Abu Bakar*

Program Literasi Bahasa Melayu Pelajar Tahun Tiga Sekolah Kebangsaan Tiong, Kota Bharu Kelantan Bekerja di Tanah Air

*Helmey Zainee Binti Mohd Zain
Zuraihan binti Zakaria*

CONTENTS

PAGE

Making A Placement Test Based On Vocabulary Knowledge	1
<i>Malaysian Undergraduates' (In)ability to Identify the Correct Use of Sources</i>	13
Keberkesanan Pembelajaran Kemahiran Lisan Berstruktur Dan Penggunaan ICT Bagi Penilaian Lisan	23
Pembinaan Data Korpus Bahasa Arab Untuk Tujuan Pengajaran Di Peringkat STAM	33
Program Literasi Bahasa Melayu Pelajar Tahun Tiga Sekolah Kebangsaan Tiong, Kota Bharu Kelantan Bekerja di Tanah Air	55

Program Literasi Bahasa Melayu Murid Tahun Tiga Sekolah Kebangsaan Tiong, Kota Bharu Kelantan

Helmey Zainee Binti Mohd Zain

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan,
Universiti Sains Malaysia Kampus Kesihatan,
16150 Kota Bharu Kelantan, Malaysia
Email: zainee@kk.usm.my.

Zuraihan binti Zakaria

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan,
Universiti Sains Malaysia Kampus Kesihatan,
16150 Kota Bharu Kelantan, Malaysia
Email: zuraihan@kk.usm.my

ABSTRAK

Literasi bahasa ditakrifkan sebagai kemampuan minimum untuk membaca dan menulis dalam sesuatu bahasa. Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu mendefinisikan seseorang yang mempunyai keupayaan literasi ialah seseorang yang dapat membaca dan menulis sesuatu pernyataan yang pendek dan mudah dalam kehidupan harianya. Satu program literasi bahasa Melayu telah dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Tiong Kota Bharu Kelantan oleh tujuh orang tenaga pengajar dari Pusat Pengajian Bahasa Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia Kampus Kesihatan. Seramai 15 orang murid tahun tiga yang menghadapi masalah dalam penguasaan pembacaan dan penulisan dalam bahasa Melayu telah dipilih bagi menyertai program ini. Program ini telah dijalankan selama dua tahun iaitu pada tahun 2011 dan tahun 2012. Fokus utama kajian adalah untuk menganalisis keberkesanan program ini. Oleh itu dapatan kajian dapat memberi petunjuk tentang keberkesanan program literasi bahasa Melayu yang telah dijalankan terhadap 15 orang murid tahun tiga Sekolah Rendah Kebangsaan Tiong, Kota Bharu.

Kata Kunci: Literasi Bahasa Melayu Murid Tiga

1. Pengenalan

Literasi bahasa atau dalam bahasa Melayu juga disebut sebagai “kenal huruf atau “celik huruf” yang bermaksud kemampuan minimum untuk membaca dan menulis dalam sesuatu bahasa. Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) pula mendefinisikan seseorang yang mempunyai keupayaan literasi ialah seseorang yang dapat membaca dan menulis suatu pernyataan yang pendek dan mudah dalam kehidupan harianya (Mahzan Arshad, 2003: 7). Menurut *Kamus Dewan*, (2005: 949), literasi didefinisikan sebagai kebolehan membaca dan menuulis. Dalam konteks yang lebih tepat lagi, literasi ialah kemampuan membaca dan menulis pada tahap yang memadai untuk berkomunikasi atau tahap yang membolehkan seseorang memahami dan meluahkan pandangan dalam masyarakat celik huruf agar dapat bergaul dalam masyarakat.

Bidang kemampuan literasi semakin hari semakin bertambah apabila sesuatu masyarakat melalui arus kemajuan dalam pelbagai bidang kehidupan. Keupayaan literasi yang lebih luas lagi dapat dihubungkan dengan literasi budaya, literasi ekonomi, literasi undang-undang, literasi teknologi maklumat dan sebagainya. Semakin maju sesuatu masyarakat, semakin banyak bidang kehidupan yang perlu diketahui oleh anggotanya. Bagi menjadikan tahap literasi bahasa berfungsi dalam kehidupan harianya, seseorang itu haruslah dapat memanfaatkan kebolehan membaca dan menuulis sepenuhnya serta berterusan bagi tujuan pembentukan dirinya dan penglibatan diri dengan masyarakatnya dengan lebih berkesan (Mahzan Arshad, 2003: 8).

Kegiatan literasi dalam sesuatu bahasa merupakan satu proses membina makna. Makna yang dihasilkan ini mestilah berkait dengan minat, budaya, pengetahuan latar, kemahiran, strategi, motivasi, jenis teks, suasana persekitaran, aktiviti dalam proses pembelajaran dan sebagainya. Penggunaan literasi bahasa melengkapkan kewujudan individu sebagai anggota masyarakat yang mempunyai nilai yang tinggi dalam masyarakatnya kerana kecukupan literasi dapat digunakan bagi melibatkan diri dalam pengurusan hidup serta penghasilan sumber manusia yang lebih berkualiti (Mahzan Arshad, 2003: 8).

1.1 Projek Literasi

Dalam konteks kajian ini, satu program literasi bahasa telah dijalankan di Sekolah Kebangsaan Tiong, Kota Bharu Kelantan oleh Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan (PPBLT) Universiti Sains Malaysia,mpus Kesihatan. Program ini merupakan projek khidmat masyarakat PPBLT yang dinamakan sebagai *A Reading Program For Literacy Challenged Primary School Students* dan telah mendapat pembiayaan sepenuhnya dari bahagian Jaringan Industri dan Khidmat Masyarakat, Universiti Sains Malaysia. Program itu juga telah disertai oleh seramai 30 orang murid tahun tiga dan 17 orang tenaga pengajar dari PPBLT turut terlibat dalam program ini. Murid-murid tersebut telah dibahagikan kepada dua kelas iaitu seramai 15 orang murid untuk kelas bahasa Melayu dan selebihnya untuk kelas bahasa Inggeris.

Program literasi ini juga telah dijalankan pada setiap hari Khamis bermula pukul 1.30 petang sehingga 3.00 petang. Jangkamasa program ini telah dijalankan selama dua tahun iaitu bermula pada awal Januari 2011 sehingga akhir Disember 2012. Relevan Sekolah Rendah Kebangsaan Tiong ini telah dipilih kerana sekolah berkenaan merupakan sekolah luar bandar yang mempunyai murid yang lemah dari segi pembacaan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya melihat kepada program literasi yang dijalankan terhadap murid-murid kelas bahasa Melayu sahaja.

Melalui program literasi ini, murid-murid tersebut dibantu mengenal pasti abjad, suku kata dan perkataan yang mudah melalui pendekatan membaca dengan kuat, menyanyi, menghafal, membaca serta menjawab latihan petikan mudah. Pengajaran juga diselitkan dengan permainan mencipta suku kata seperti sahibba, teka silang kata dan sebagainya yang telah menimbulkan keseronokan dan minat terhadap murid-murid tersebut.

1.1.2 Objektif Kajian

Kajian ini memaparkan tiga objektif iaitu

- 1). Memperkenalkan program literasi bahasa kepada murid tahun tiga Sekolah Rendah Kebangsaan Tiong.
- 2). Mengesan dan memastikan kekuatan serta kelemahan program literasi ini.

3). Menganalisis tahap penguasaan kemahiran berbahasa murid melalui program ini

1.1.3 Kaedah Kajian:

Keadah Kajian yang telah dijalankan dalam kajian ini ialah kajian lapangan iaitu melibatkan pemerhatian, pengumpulan data dan temu bual secara tidak berstruktur. Penyelidik telah melakukan pemerhatian terhadap murid-murid literasi bahasa tersebut terutama kelas bahasa Melayu di Sekolah Rendah Kebangsaan Tiong dan kemudiannya mengumpul data serta melakukan temu bual secara rawak dengan guru dan murid kelas tersebut. Selain itu, kajian kepustakaan turut dijalankan bagi mencari bahan rujukan yang berkaitan dengan kajian ini.

1.1.4 Tinjauan Kajian Lepas:

Sorotan kajian lepas mendapati beberapa penyelidik yang turut menjalankan kajian berkenaan literasi bahasa ini seperti Ambigaphaty Pandian yang mengkaji tentang *Senario Literasi di Malaysia* yang membincangkan situasi literasi di Malaysia, cabaran literasi dan masa hadapannya. Manakala Ishak Ramly mengkaji tentang *Pendidikan Literasi Merentasi Kurikulum Pengalaman Pendidikan di Malaysia*. Beliau telah menjelaskan dalam kajiannya berkenaan pendidikan literasi pada peringkat sekolah dan literasi dalam kalangan pelajar, guru serta ibu bapa. Menurut beliau, jika setiap ibu bapa meluangkan sedikit masa untuk berkongsi pengalaman dengan anak-anak, dunia literasi di Malaysia pasti akan berkembang dengan pesat dan lebih berjaya (Ambigapthy Pandian, 1999: 29). Seterusnya, Shanti Bhalraj mengkaji tentang *Mendekati Literasi Media di Malaysia*. Shanti Balraj telah membincangkan tentang literasi dalam media, kepentingannya dan literasi media di Malaysia. Menurut beliau juga, untuk mempergiatkan literasi media di Malaysia, kerjasama daripada semua pihak sama ada dari segi tenaga dan sumber perlu bagi menjayakan bidang ini (Ambigapthy Pandian, 1999: 29). Selain itu, Schleppegrell, Greer, Taylor pula dalam *Australian Journal of Language and Literacy* mengkaji tentang *Literacy in History: Language and Meaning*. Mereka telah mengemukakan kajian kesan pengalaman guru, menunjukkan cara penggunaan metabahasa untuk melibatkan pelajar dalam pembacaan bersama dan perbincangan teks sejarah (<http://www.alea.edu.au/documents/item/70>).

1.2 Analisis Kajian:

Keberkesanan program literasi ini telah dinilai dalam beberapa aspek iaitu melalui ujian lisan dan penulisan yang telah diadakan terhadap subjek kajian yang mengikuti pembelajaran dalam kelas bahasa Melayu tersebut. Selain itu, keberkesanan program ini juga dilihat melalui temu bual dengan murid dan guru-guru sekolah tersebut yang dipilih secara rawak. Kelas bahasa Melayu terdiri daripada 15 orang murid yang dipilih khas oleh guru penyelaras tahun tiga di sekolah itu dan kesemua murid tersebut mempunyai masalah dalam penulisan dan pembacaan. Pada peringkat permulaan pembelajaran, murid-murid ini telah diuji dengan satu ujian ringkas bagi menguji tahap pengetahuan mereka. Setelah diuji, ternyata 15 orang murid tersebut lemah dalam pembelajaran dan masih ada yang tidak dapat membaca dengan lancar walaupun mereka sudah berada pada tahun tiga. Keadaan ini amat dikhuatiri dan perlu diatasi. Maka, program literasi bahasa yang dijalankan oleh PPBLT, Universiti Sains Malaysia Kampus Kesihatan ini telah diperkenalkan kepada mereka.

Setelah menjalani pembelajaran bahasa Melayu selama setahun, maka murid-murid tersebut telah telah dinilai dengan ujian lisan dan ujian penulisan yang pertama pada akhir tahun 2011. Ujian tersebut bertujuan untuk melihat keberkesanan program tersebut. Markah keseluruhan bagi ujian penulisan ialah sebanyak 30 markah dan ujian lisan pula sebanyak 20 markah. Hal ini boleh dirujuk seperti jadual 1 di bawah:

JADUAL 1: MARKAH UJIAN PENULISAN 1 PELAJAR-PELAJAR BAHASA MELAYU TAHUN 2011

Ujian Penulisan 1 tahun 2011		
BIL	NAMA	30 MARKAH
1	Adam Hafiezi Hakimi bin Asri	8
2	Aisyah Syafikha bt Mohd Nor	8
3	Mohamad Anuar	4
4	Mohamad Haikal bin Farahan Shah	11.5
5	Mohamed Fakhri bin Mohamed Ghazali	9
6	Mohammad Al-Baihaqi bin Mohd Zairo	15.5
7	Muhammad Irfan bin Mohd Razali	9
8	Muhammad Wafi Iqwan bin Miswan	9

9	Noordeen Thubat bin Nordeen	24
10	Nur Aisyah bt Che Deraman	19.5
11	Nur Amalin Safiah bt Azman	22.5
12	Nur Irwan Syah bin Raja Mohd Faizal	23
13	Nurin Atikah bt Mansor	12.5
14	Putri Zubaidah bt Ismail	8
15	Ros Amiera bt Rohimin	22.5

Berdasarkan jadual 1 di atas, didapati keputusan untuk ujian penulisan agak baik kerana daripada 15 orang murid, sebanyak 8 orang murid mendapat markah lebih daripada 10 markah dan sebanyak 7 orang murid pula menda- pat markah yang kurang daripada 10 markah. Merujuk jadual markah ini juga, telah membuktikan bahawa program literasi bahasa Melayu ini telah membantu murid tersebut terutamanya bagi mereka yang menghadapi masalah dalam pembelajaran terutamanya penulisan. Begitu juga dengan keputusan penilaian ujian lisan yang dapat dirujuk melalui jadual 2 di bawah:

**JADUAL 2: MARKAH UJIAN LISAN 1 PELAJAR-PELAJAR BAHASA MELAYU
TAHUN 2011**

BIL	NAMA	sebutan (10m)	kelancaran (10m)	Markah keseluruhan(20m)
1	Adam Hafiezi Hakimi bin Asri	5	5	10
2	Aisyah Syafikhah bt Mohd Nor	2	1	3
3	Mohamad Anuar	2	1	3
4	Mohamad Haikal bin Farahan Shah	2	1	3
5	Mohamed Fakhri bin Mohamed Ghazali	5	5	10
6	Mohammad Al-Baihaqi bin Mohd Zairo	Pindah sekolah		
7	Muhammad Irfan bin Mohd Razali	5	5	10
8	Muhammad Wafi Iqwan bin Miswan	3	2	5
9	Noordeen Thubat bin Nordeen	8	8	16
10	Nur Aisyah bt Che Deraman	5	5	10
11	Nur Amalin Safiah bt Azman	5	5	10
12	Nur Irwan Syah bin Raja Mohd Faizal	7	7	14
13	Nurin Atikah bt Mansor	6	6	12
14	Putri Zubaidah bt Ismail	1	2	3
15	Ros Amiera bt Rohimin	5	5	10

(*1-3= lemah, 4-5= memuaskan, 6-7= baik, 8-10= cemerlang*)

Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa program literasi bahasa Melayu telah membantu murid-murid itu dalam pembacaan. Dengan aktiviti pengajaran yang bermula daripada aktiviti pengenalan abjad, suku kata , tatabahasa, pembinaaan ayat, dan teknik-teknik pembacaan yang menyeronokkan telah membantu murid-murid tersebut ke arah yang lebih baik. Hal ini dibuktikan di dalam jadual di atas iaitu terdapat 9 orang murid yang mendapat markah yang baik dalam ujian lisan ini sebanyak 10 markah ke atas dan 4 orang murid lagi mendapat markah yang kurang daripada 10 markah iaitu paling rendah sebanyak 3 markah. Keupayaan dan kesungguhan murid-murid ini telah mendorong mereka berusaha dengan gigih di samping pembelajaran literasi bahasa yang dijalankan agak menyeronokkan.

Pada tahun 2012 pula, ujian lisan dan penulisan yang terakhir telah dijalankan sebelum program literasi ini tamat iaitu pada bulan Disember. Berikut ialah jadual untuk keputusan markah murid-murid literasi bahasa kelas bahasa Melayu.

JADUAL 3: MARKAH UJIAN PENULISAN 2 MURID-MURID BAHASA MELAYU TAHUN 2012

Ujian Penulisan 2 tahun 2012		
BIL.	NAMA	Markah
1	Adam Hafiezi Hakimi bin Asri	15
2	Aisyah Syafikhah bt Mohd Nor	15
3	Mohamad Anuar	5
4	Mohamad Haikal bin Farahan Shah	18
5	Mohamed Fakhri bin Mohamed Ghazali	16
6	Mohammad Al-Baihaqi bin Mohd Zairo	pindah sekolah
7	Muhammad Irfan bin Mohd Razali	23
8	Muhammad Wafi Iqwan bin Miswan	12
9	Noordeen Thubat bin Nordeen	28
10	Nur Aisyah bt Che Deraman	24

11	Nur Amalin Safiah bt Azman	25
12	Nur Irwan Syah bin Raja Mohd Faizal	26
13	Nurin Atikah bt Mansor	15
14	Putri Zubaidah bt Ismail	10
15	Ros Amiera bt Rohimin	24

Melalui jadual 3 di atas menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam markah murid-murid tersebut setelah dua tahun mengikuti pembelajaran program literasi bahasa Melayu ini. Kebanyakan murid-murid dari kelas ini telah mencapai markah yang agak baik kerana sebanyak 6 orang murid mendapat markah yang tinggi iaitu 20 markah ke atas dan 7 orang murid lagi mendapat markah yang lebih daripada 10 markah. Bilangan murid yang mendapat markah kurang daripada 10 markah pula hanya seorang sahaja. Peningkatan markah murid-murid literasi bahasa Melayu ini menunjukkan program literasi ini berjaya dan hampir mencapai sasaran yang diinginkan iaitu membantu golongan yang lemah dalam pembelajaran terutama penulisan dan pembacaan. Begitu juga dengan keputusan markah ujian penulisan kedua yang dapat dilihat di dalam jadual 4 di bawah:

**JADUAL 4: MARKAH UJIAN LISAN 2 MURID-MURID BAHASA MELAYU
TAHUN 2012**

BIL	NAMA	sebutan (10m)	Kelancaran (10m)	Markah keseluruhan(20m)
1	Adam Hafiezi Hakimi bin Asri	6	6	12
2	Aisyah Syafikha bt Mohd Nor	3	2	5
3	Mohamad Anuar	3	2	5
4	Mohamad Haikal bin Farahan Shah	3	3	6
5	Mohamed Fakhri bin Mohamed Ghazali	6	6	12
6	Mohammad Al-Baihaqi bin Mohd Zairo	Pindah sekolah		
7	Muhammad Irfan bin Mohd Razali	6	6	12
8	Muhammad Wafi Iqwan bin Miswan	5	4	9
9	Noordeen Thubat bin Nordeen	9	9	18

10	Nur Aisyah bt Che Deraman	7	7	14
11	Nur Amalin Safiah bt Azman	7	7	14
12	Nur Irwan Syah bin Raja Mohd Faizal	7	9	16
13	Nurin Atikah bt Mansor	7	7	14
14	Putri Zubaidah bt Ismail	2	2	4
15	Ros Amiera bt Rohimin	7	7	14

(*1-3= lemah, 4-5= memuaskan, 6-7= baik, 8-10= cemerlang*)

Berdasarkan jadual 4 di atas menunjukkan prestasi murid-murid program literasi bahasa Melayu bertambah baik iaitu terdapat peningkatan markah ujian lisan untuk tahun 2012 berbanding tahun 2011. Seramai 9 orang murid mendapat markah lebih daripada 10 manakala 5 orang murid mendapat markah kurang daripada 10. Hal ini menunjukkan peningkatan prestasi murid dalam ujian lisan yang telah dijalankan itu.

Di samping ujian lisan dan ujian penulisan yang telah dijalankan, temu bual turut dilakukan bagi melihat keberkesanannya program literasi bahasa yang telah dijalankan. Temu bual ini telah dijalankan secara rawak iaitu temu bual ini telah dijalankan terhadap guru besar sekolah dan guru penyelaras murid tahun tiga sekolah serta beberapa orang murid yang dipilih secara rawak. Antara soalan utama yang telah ditanya sewaktu temu bual tersebut dijalankan ialah

1. Apakah pandangan guru terhadap program literasi yang sedang dijalankan?
2. Bagaimanakah prestasi murid tersebut setelah program ini dijalankan?
3. Apakah harapan guru terhadap program literasi bahasa ini?
4. Apakah perasaan murid setelah menghadiri kelas program literasi bahasa?

Hasil temu bual tersebut, guru besar sekolah tersebut telah mencadangkan agar program seperti ini diperluas ke sekolah-sekolah yang lain kerana program literasi bahasa ini amat berkesan dan membantu murid-murid yang bermasalah dalam pembelajaran. Manakala, guru penyelaras murid tersebut pula menyatakan terdapat peningkatan prestasi murid-murid dalam pembelajaran tersebut setelah mengikuti pembelajaran kelas literasi bahasa ini.

Dalam temu bual bersama murid pula, ada yang menyatakan bahawa mereka tidak kisah berada lebih lama di sekolah kerana seronok belajar bahasa Melayu dengan guru dari universiti malah mereka juga teruja dengan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan seperti menyanyi, bermain permainan bahasa, membaca buku cerita dan sebagainya.

Melalui temu bual ini juga dapat dirumuskan bahawa, program literasi bahasa ini banyak membantu murid-murid terutamanya murid yang menghadapi masalah dalam penulisan dan pembacaan. Malah, ia juga haruslah dikembangkan dan diperluas lagi ke sekolah-sekolah yang lain. Dengan konsep pembelajaran yang lebih santai seperti menyanyi, bermain permainan bahasa, membaca buku cerita dan sebagainya yang telah dijalankan oleh Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Kampus Kesihatan ini telah menimbulkan keseronokan dan minat murid-murid tersebut sehingga mereka sanggup berada lebih lama di sekolah semata-mata mahu mengikuti kelas literasi bahasa ini.

Kesimpulan

Program literasi bahasa yang telah dijalankan oleh tenaga pengajar dari Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia, Kampus Kesihatan di Sekolah Rendah Kebangsaan Tiong, Kota Bharu telah berjaya meningkatkan tahap literasi 30 orang murid tahun tiga sekolah tersebut. Selain itu, program tersebut telah meningkatkan keyakinan, kreativiti dan minat mereka terhadap proses pembelajaran. Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dalam program ini juga telah menarik minat murid-murid tersebut terhadap bahasa Melayu dan tidak ketinggalan juga bahasa Inggeris. Selain itu, program literasi ini juga perlu diperluaskan lagi ke sekolah-sekolah yang lain kerana masih ramai lagi murid yang lemah dalam pembelajaran. Daripada kajian ini juga, penyelidik mendapati murid yang boleh menulis tetapi kurang dalam membaca manakala murid yang boleh membaca kurang dalam menulis, maka program literasi bahasa wajar diwujudkan dan diperluaskan bagi membendung masalah ini dalam kalangan murid sekolah.

Bibliografi

Mahzan Arshad, 2003. *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu Satu Pendekatan Bersepadu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd.

Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Shanti Balraj, 1999. “*Mendekati Literasi Media di Malaysia*” dalam Ambigaphaty Pandian. *Literasi dalam Pendidikan Perubahan & Cabaran*. Kuala Lumpur: Creative Energy Corporation Sdn. Bhd.

Schleppegrell, Greer, Taylor. “*Literacy in History: Language and Meaning*” In *Australian Journal of Language and Literacy*, Vol 31, No. 2, 2008, pp174-187.

Ishak Ramly, 1999. “*Pendidikan Literasi Merentas Kurikulum-Pengalaman Pendidikan di Malaysia*” dalam Ambigaphaty Pandian. *Literasi dalam Pendidikan Perubahan & Cabaran*. Kuala Lumpur: Creative Energy Corporation Sdn. Bhd.

<http://cikgusuepkhas.blogspot.com/2013/04/literasi-bahasa.html>
(Tarikh Capaian : 2/9/2013)

<http://www.alea.edu.au/documents/item/70>
(Tarikh Capaian : 19/12/2013)



AVoice of
Academia





A Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah

